

03/07/2001

IPTS digesa tolak permohonan pelajar dipecat

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Pendidikan menasihatkan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) supaya tidak menerima pelajar yang dipecat daripada mana-mana pusat pengajian tinggi kerana terbabit dengan kesalahan berat.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata ketika ini tindakan menolak permohonan pelajar terbabit memasuki semula pusat pengajian tinggi memang sudah dilakukan oleh semua institusi pendidikan tinggi awam (IPTA).

Sehubungan itu, katanya, kementerian juga akan menasihatkan IPTS mengambil tindakan sama terhadap pelajar berkenaan.

"Pelajar yang dipecat kerana melanggar disiplin boleh mengemukakan rayuan kepada Kementerian Pendidikan yang akan menimbang sama ada kesalahannya boleh dimaafkan atau tidak.

"Bagaimanapun jika kementerian berpendapat hukuman itu perlu diteruskan, maka pelajar akan disingkir daripada universiti dan tidak lagi boleh masuk ke universiti lain (IPTA), dan kita juga akan menasihatkan IPTS supaya tidak menerima pelajar itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan portal pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Lokman, Kampung Pandan, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah yang boleh dikenakan terhadap pelajar dan pensyarah institusi pendidikan tinggi yang terbabit dengan kegiatan seperti demonstrasi dan menentang kerajaan.

Musa berkata, semua IPTA sudah diarah mengambil tindakan terhadap pelajar dan pensyarah yang terbukti terbabit dalam kegiatan itu kerana memang ada peruntukan untuk institusi itu berbuat demikian.

Malah, katanya, setakat ini ada universiti yang sudah memecat pelajar yang terbukti terbabit dalam kegiatan demonstrasi jalanan.

"Itulah langkah yang boleh diambil oleh universiti. (Tindakan) ini akan tetap diambil," katanya.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ada kecenderungan di kalangan pelajar universiti awam untuk membabitkan diri dalam kegiatan bercorak militan, termasuk menyertai demonstrasi jalanan.

"Kita melihat ada mirip ke arah itu (militan).... seolah-olah mereka pergi ke universiti bukan untuk belajar, tetapi untuk ambil bahagian dalam kegiatan yang tidak ada kaitan sama sekali dengan pelajaran," katanya.

(END)